

Keupayaan Komuniti Orang Kurang Upaya Fizikal (KOKUF): Satu Perspektif Pembangunan Komuniti Di Malaysia

*Capacity Building of People with Physical Disabilities (KOKUF):
A community Development Perspective in Malaysia*

Muhammad Nadzir Ibrahim,¹ Nobaya Ahmad,² Amna Md Noor² & Mohd. Roslan Rosnon²

¹Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan,

Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

²Jabatan Sains Kemasyarakatan Dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia,

Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

emel: nadzir@fsk.upsi.edu.my

Published: 12 November 2024

To cite this article (APA): Ibrahim, M. N., Ahmad, N., Md Noor, A., & Rosnon, M. R. (2024). Capacity Building of People with Physical Disabilities (KOKUF): A community Development Perspective in Malaysia. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 16(2), 60–74. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.6.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol16.2.6.2024>

Abstrak

Pembangunan komuniti merupakan satu proses membangunkan komuniti memerlukan tindakan yang menyeluruh. Salah satu konsep yang diberi tumpuan ialah pembinaan keupayaan komuniti dengan pelbagai dimensi di dalamnya. Di Malaysia, kajian mengenai pembangunan komuniti apabila dikaitkan dengan komuniti Orang Kurang Upaya (KOKU) masih mempunyai banyak ruang untuk diterokai. Kajian secara khusus menjurus kepada konsep pembinaan keupayaan komuniti masih belum dikaji secara menyeluruh khususnya kepada Komuniti Orang Kurang Upaya Fizikal (KOKUF). Bagi KOKUF yang telah mendapat pendedahan melalui program kemahiran, pemilihan dimensi tertentu pembinaan keupayaan komuniti adalah penilaian terbaik untuk melihat sejauh manakah pembangunan komuniti telah berlaku dalam kalangan komuniti ini. Oleh itu dimensi yang sesuai dan tepat adalah penting agar kajian terhadap KOKUF mencapai maksud sebenar dalam menilai proses dan hasil pembinaan kapasiti komuniti. Lima dimensi utama diberi tumpuan dalam proses dan hasil pembinaan keupayaan KOKUF. Dimensi pertama adalah peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran yang meliputi pengenalanpastian jurang ilmu serta penyediaan peluang untuk pembangunan kemahiran. Dimensi kedua adalah mobilisasi sumber merujuk kepada keupayaan KOKUF untuk mengenal pasti dan mengakses sumber dalaman dan luaran seperti ahli komuniti, pihak luar, masa, dana dan fasiliti untuk meningkatkan keupayaan KOKUF. Dimensi ketiga adalah perkongsian, hubungan, dan rangkaian yang menekankan interaksi KOKUF dengan sesama ahli komuniti dan pihak luar berdasarkan kerjasama, pengukuhan ikatan dan membina keyakinan untuk meningkatkan keupayaan KOKUF. Dimensi keempat adalah pendekatan berasaskan aset yang memfokuskan kepada pengetahuan, kemahiran dan bakat yang dimiliki oleh KOKUF dengan penilaian tentang bagaimana aset-aset ini memberi manfaat dan meningkatkan kehidupan KOKUF. Dimensi terakhir adalah perasaan komuniti yang menilai persepsi positif dalam kalangan ahli mengenai kepercayaan dan kerjasama, mencerminkan kesediaan mereka untuk bertindak bersama demi kesejahteraan komuniti.

Kata kunci: Pembangunan komuniti, Pembinaan Keupayaan Komuniti, Orang Kurang Upaya Fizikal.

Abstract

Community development is a process that requires comprehensive action. One of the concepts focused on is community capacity building, which has various dimensions. In Malaysia, the study of community development, especially when linked to the community of disabled people (KOKU), still has a lot of room for exploration. The

study specifically aims at the concept of community capacity building, which has not yet been comprehensively studied, especially for the community of people with physical disabilities (KOKUF). For KOKUF who have gained exposure through skills programs, the selection of certain dimensions of community capacity building is the best way to assess the extent of community development that has occurred among these communities. Therefore, appropriate and accurate dimensions are important so that the study of KOKUF achieves its true purpose in evaluating the process and results of community capacity building. Five main dimensions are focused on in the process and results of KOKUF capacity building. The first dimension is learning opportunities and skill development, which includes identifying knowledge gaps and providing opportunities for skill improvement. The second dimension is resource mobilization, referring to KOKUF's ability to identify and access internal and external resources such as community members, external parties, time, funds, and facilities to improve KOKUF's capabilities. The third dimension is partnership, relationship, and network, which emphasizes KOKUF's interaction with fellow community members and external parties based on collaboration, strengthening bonds, and building confidence to improve KOKUF's capabilities. The fourth dimension is the asset-based approach, focusing on the knowledge, skills, and talents possessed by KOKUF, with an assessment of how these assets benefit and improve KOKUF's life. The final dimension is community feeling, which evaluates the positive perceptions among members regarding trust and cooperation, reflecting their willingness to act together for the well-being of the community.

Keywords: *Community Development, Community Capacity Building, People with Physical Disabilities*

PENGENALAN

Dasawarsa ini pembangunan mampan telah menjadi impian untuk dicapai bagi merealisasikan kehidupan yang sempurna dan sejahtera. Komuniti sebagai sasaran pembangunan ini harus dilibatkan secara langsung kerana komuniti yang akan menerima impak daripada pembangunan yang dilakukan. Hubungan langsung pembangunan dan komuniti membawa hala tuju kepada proses pembangunan komuniti ke arah perubahan secara menyeluruh ke atas komuniti. Justeru melalui pembangunan komuniti diharapkan akan terlaksana perubahan komuniti dengan membawa kemajuan, kesejahteraan dan meningkatkan taraf hidup komuniti.

Di Malaysia kajian pembangunan komuniti telah sekian lama mendapat tempat dalam usaha membangunkan komuniti khususnya melibatkan komuniti luar bandar dan terpinggir serta bermatlamat memperkasakan kehidupan komuniti (Samir Muhazzab & Sara Shakilla, 2012; Mohamad Zahir et al., 2016 & Haslin & Vivien, 2016). Untuk mencapai tujuan ini, pelbagai kajian telah banyak dilakukan ke atas pelbagai komuniti. Salah satu komuniti yang banyak mengalami transformasi dan penambahbaikan ke atas perkembangan pembangunan semenjak zaman sebelum merdeka ialah Orang Kurang Upaya (OKU) (Aizan Sofia & Jamiah, 2015). Komuniti Orang Kurang Upaya (KOKU) ini dari masa ke semasa terus mendapat perhatian oleh pihak kerajaan dan kini berada di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) (Portal JKJ, 2020).

Kajian pembangunan komuniti yang memfokuskan kepada KOKU telah banyak dikaji (Wynn et al., 2006; Yang, 2014; Mauro et al., 2015 & Mason et al., 2017). Ini termasuk kajian yang dijalankan di Malaysia terutama dalam program pemulihan dalam komuniti (PDK) yang juga bermatlamatkan pembangunan komuniti semenjak tahun 1984 (Kuno, 2007; Suhaiza, 2013 & Dort et al., 2014). Bagi kajian pembinaan keupayaan komuniti dalam kalangan KOKU secara khusus didapati terdapat pelbagai dimensi telah diberi tumpuan oleh ramai pengkaji seperti semangat kekitaan dan jalinan hubungan (Robinson & Notara, 2015), pemulihan dan pengukuhan aset (King et al., 2012), perkongsian dan sokongan organisasi (Balcazar et al., 2001) dan perasaan komuniti (Townley & Kloos, 2009). Bahkan dimensi-dimensi tertentu juga telah dikaji dalam konteks KOKU di Malaysia seperti pembelajaran dan pembangunan kemahiran (Khadijah Rohani et al., 2011 & Lee & Low, 2014) dan hubungan dan perkongsian (Hasnah et al., 2009). Malangnya kajian-kajian tempatan ini bukanlah dihasilkan dari kajian pembangunan komuniti secara khusus apatah lagi dalam kerangka konsep pembinaan keupayaan komuniti. Walaupun begitu, kajian seumpama ini menjelaskan bahawa para pengkaji cuba mencari solusi untuk meningkatkan keupayaan KOKU dari pelbagai sudut.

Kajian-kajian lepas seperti yang dinyatakan ini membuktikan kepentingan memahami keperluan membangunkan keupayaan KOKU dan mencari solusi terbaik khususnya dalam konteks pembangunan komuniti. Dalam usaha membangunkan komuniti ini, tindakan oleh pihak kerajaan tidak dapat dinafikan kerana telah banyak memainkan peranan melalui pelbagai agensi khususnya melalui JKM. Antara usaha khusus yang dilakukan ialah mewujudkan satu institusi pengajian khas kepada OKU terutama Komuniti Orang Kurang Upaya Fizikal (KOKUF) iaitu Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Bangi, Selangor. Usaha ini merupakan salah satu tindakan penting dalam menyelesaikan permasalahan berkaitan OKU khususnya bagi membantu mengembangkan pembangunan terhadap komuniti ini. Matlamat meningkatkan pembangunan komuniti ini dilihat sebagai satu solusi bagaimana untuk mengatasi serta bertujuan meningkat kualiti hidup melalui proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti.

Komuniti Orang Kurang Upaya Fizikal (KOKUF)

Menurut Akta OKU 2008, OKU didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang sama ada fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan dalam masyarakat (Akta OKU, 2008). Ini menjelaskan bagaimana faktor ketidakupayaan telah memberi kesan besar terhadap kehidupan KOKU. Kesan yang dialami telah menyebabkan mereka mengalami kesukaran dalam menjalankan sebarang aktiviti kehidupan dan mampu merencanakan pembangunan kepada komuniti ini. Dengan demikian secara tidak langsung boleh menyebabkan komuniti ini terpinggir dari segi sosial dan terkeluar dari arus pembangunan. Oleh sebab itu KOKU telah dikenal pasti sebagai komuniti yang paling lemah dan terpinggir di peringkat antarabangsa (Groce et al., 2011). Keadaan ini juga tidak terkecuali dihadapi oleh KOKU di Malaysia (Islam, 2015). Kesan ketidakupayaan yang dialami menjadi penyebab utama membawa komuniti ini terkebelakang berbanding dengan komuniti yang lain dengan pelbagai isu yang timbul.

Di Malaysia, OKU yang berdaftar (Jadual 1.1) tidak boleh menggambarkan kedudukan bilangan sebenar jumlah yang ada di negara kita. Jumlah yang direkodkan ini hanya mewakili sebahagian daripada OKU di negara ini kerana dijangka lebih ramai lagi tidak berdaftar atas pelbagai faktor (Aizan Sofia & Jamiah, 2015). Ini kerana pendaftaran OKU di Malaysia tidak menjadi suatu kewajipan dan dilakukan secara sukarela (Islam, 2015). Malahan data-data yang ada tidak dikemaskini dengan baik kerana masih terdapat nama-nama OKU yang telah meninggal dunia tetapi tidak dipadamkan dari rekod (Ta et al., 2013).

Pada masa sekarang jumlah OKU di Malaysia dianggarkan sebanyak 10 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk (Buletin Perangkaan Malaysia, 2011). Perangkaan daripada JKM (2023) pula menunjukkan terdapat seramai 637, 537 OKU yang berdaftar dengan jabatan berkenaan. Daripada jumlah ini, OKU telah dibahagikan kepada tujuh jenis kategori ketidakupayaan iaitu kecacatan penglihatan, kecacatan pendengaran, kurang upaya fizikal, masalah pembelajaran, kecacatan pertuturan, kecacatan mental dan lain-lain kecacatan. Berdasarkan rekod yang didaftarkan dengan pihak JKM yang berakhir pada 31 Januari 2023, OKU paling ramai ialah dari kategori masalah pembelajaran iaitu 235, 731 orang, diikuti ketidakupayaan fizikal seramai 219, 218 orang, kecacatan penglihatan (55, 240), kecacatan mental (52, 412), kecacatan pendengaran (42, 652), lain-lain kecacatan (28, 887) dan kecacatan pertuturan (3, 397) orang (JKM, 2023) (Jadual 1).

Jadual 1: Bilangan Orang Kurang Upaya Berdaftar Mengikut Jenis Kekacatan di Malaysia

Jenis Kekacatan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Kecacatan Penglihatan	35, 169	20, 071	55, 240
Kecacatan Pendengaran	23, 240	19, 412	42, 652
Kurang Upaya Fizikal	147, 353	71, 865	219, 218
Masalah Pembelajaran	159, 576	76, 155	235, 731
Kecacatan Pertuturan	2, 191	1, 206	3, 397
Kecacatan Mental	31, 603	20, 089	52, 412
Lain-Lain Kekacatan	17, 572	11, 315	28, 887
Jumlah	416, 704	220, 833	637, 537

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2023) *sehingga 31 Januari 2023

Golongan OKU sebagai mana dinyatakan telah dibahagikan kepada tujuh jenis kategori ketidakupayaan. Salah satu kategori OKU ialah Orang Kurang Upaya Fizikal (OKUF). OKU dari kategori ini mempunyai masalah yang berkaitan dengan kecacatan yang boleh dilihat kepada keadaan fizikal mereka. Oleh itu mereka senantiasa berdepan dengan masalah khususnya berkaitan dengan penyediaan infrastruktur yang tidak memenuhi keperluan mereka akibat kecacatan fizikal yang dialami (Aizan et al., 2017). KOKUF ini mengalami ketidakupayaan sama ada akibat kecacatan yang terjadi sejak kelahiran atau pun akibat kemalangan yang meninggalkan kesan kecacatan kekal sepanjang hayat. Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (2023), kekurangan upaya fizikal bermaksud ketidakupayaan kekal anggota badan sama ada disebabkan oleh kehilangan ATAU ketiadaan ATAU ketidakupayaan mana-mana anggota badan yang boleh menjejaskan fungsi mereka dalam melakukan aktiviti asas sepenuhnya.

Aktiviti asas yang dimaksudkan ialah seperti penjagaan diri, pergerakan dan penukaran posisi tubuh badan. Keadaan ini boleh terjadi akibat daripada kecederaan (trauma) atau penyakit pada mana-mana sistem tubuh yang menyebabkan ketidakfungsian.

Berdasarkan maklumat dari JKM (2023), kurang upaya fizikal boleh dibahagikan kepada tujuh (7) sub kategori seperti berikut:

- 1) *Kerdil (Achon-droplasia)*: Keadaan apabila ketinggian bagi seseorang adalah kurang daripada 142cm bagi lelaki dan kurang daripada 138cm bagi wanita.
- 2) *Traumatic Brain Injury*: Keadaan apabila berlaku kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain melibatkan sebahagian tubuh badan akibat kecederaan otak.
- 3) *Cerebral Palsy*: Keadaan kekal apabila berlaku masalah pergerakan dan postur yang menghadkan aktiviti akibat gangguan bukan progresif di bahagian otak.
- 4) *Spinal Cord Injury*: Kecederaan saraf tunjang akibat trauma atau bukan trauma yang menjejaskan fungsi otot, deria serta autonomik di bahagian bawah aras kecederaan.
- 5) *Strok*: Keadaan apabila berlaku kekurangan atau kehilangan fungsi secara tiba-tiba melibatkan pertuturan, otot, deria, kognitif atau lain-lain sebahagian tubuh badan akibat kekurangan oksigen atau pendarahan di dalam otak.
- 6) *Kecacatan anggota badan (Limb Defect)*: Keadaan apabila berlaku kehilangan separa atau sepenuhnya mana-mana bahagian anggota badan termasuk kehilangan tangan, kaki, jari tangan/ jari kaki.
- 7) *Lain-lain*: Contoh *Duchenne Muscular Dystrophy* dan penyakit kronik yang menyebabkan kurang upaya fizikal.

Maka dengan keadaan ketidakupayaan atau kecacatan yang dialami oleh KOKUF ini jika dibiarkan tanpa bantuan akan terus menerus memusnahkan masa hadapan mereka. Komuniti ini perlu dibantu dengan disesuaikan dengan keadaan ketidakupayaan mereka. Ini kerana mereka juga mempunyai hak kesaksamaan dan peluang untuk menjalani kehidupan sama seperti komuniti yang lain dalam mendapatkan kualiti hidup yang baik.

Pembangunan Komuniti

Pembangunan komuniti apabila dirujuk sebagai satu konsep maka lahirlah pelbagai tafsiran dalam penghuraiannya. Ditambah lagi kesan dari perkembangan pembangunan komuniti itu sendiri membawa kepada pelbagai konotasi dalam menjelaskannya. Tafsiran yang pelbagai ini telah menyebabkan pengertian pembangunan komuniti ditemui adalah pelbagai dan berbeza-beza bergantung kepada lokasi, budaya serta komuniti yang terlibat (Mohammad Shatar, 2003). Untuk itu pengertian secara umum diteliti bagi memastikan menepati konsep pembangunan komuniti.

Secara umumnya sarjana meletakkan dua elemen dalam melihat tafsiran kepada pembangunan komuniti iaitu proses dan hasil. Phillips dan Pittman (2014) menyatakan pembangunan komuniti didefinisikan sebagai satu proses iaitu membangunkan dan mempertingkatkan keupayaan untuk bertindak secara kolektif dan, sebagai satu hasil iaitu mengambil tindakan bersama untuk penambahbaikan komuniti dalam semua keadaan sama ada fizikal, insan, sosial, psikologi dan lain-lain.

Adalah tidak diragukan lagi bahawa pembangunan komuniti merupakan satu usaha positif di mana menyediakan penyelesaian kepada masalah dan memperbaiki kehidupan manusia. Malahan tujuan pembangunan komuniti itu sendiri adalah untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan komuniti (Phillips & Pittman, 2014 & Sail & Abu-Samah, 2010).

Dalam usaha bagi mencapai tujuan pembangunan kepada komuniti ini, salah satu perhatian yang diberikan adalah pembangunan kepada komuniti terpinggir. Ini kerana komuniti terpinggir merupakan komuniti yang lemah, miskin, serba kekurangan dan perlu kepada tumpuan pembangunan yang lebih supaya dapat menikmati kehidupan baik seiring dan saksama dengan komuniti lain. KOKU juga tidak terlepas daripada perhatian melalui pembangunan komuniti. Malahan KOKU diakui oleh pembangunan komuniti antarabangsa sebagai komuniti miskin, paling lemah dan sepatutnya menjadi tumpuan utama dalam program dan dasar pembangunan (Groce et al., 2011). Sebagai kelompok yang mengalami masalah ketidakupayaan, KOKU dilihat sebagai salah satu komuniti terpinggir (Groce et al., 2011 & Shrewsbury, 2015). Ketidakupayaan yang dialami oleh komuniti ini telah diakui menjadi penyebab utama yang menghalang mereka dari terus memperolehi manfaat pembangunan seiring dengan komuniti yang lain (WHO, 2011). Malahan dengan ketidakupayaan ini telah mengancam kepada kesejahteraan dan keupayaan KOKU untuk mencapai peluang yang sama seperti masyarakat umum. Tahap ketidakupayaan atau jenis-jenis ketidakupayaan dalam kalangan KOKU membezakan tahap keupayaan dan keterpinggiran yang dilaluinya (Carpenter & McConkey, 2012)

Berbalik kepada perspektif pembangunan komuniti ke atas KOKUF, adalah didapati secara umumnya kerangka pembangunan komuniti adalah merujuk kepada proses dan hasil yang berlaku dalam kalangan KOKUF. Ini cukup jelas meletakkan pembinaan keupayaan komuniti sebagai komponen dalam pembangunan komuniti menilai sejauh mana proses dan hasil membangunkan keupayaan KOKUF. Adalah jelas bahawa kedua-dua proses dan hasil dalam konteks pengertian pembangunan komuniti adalah sangat menepati secara keseluruhannya. Bahkan elemen pembinaan keupayaan komuniti adalah perkara yang sentiasa dibincangkan dalam bidang pembangunan komuniti bagi mencapai kesejahteraan, taraf hidup yang baik dan kualiti hidup lebih sempurna melalui tindakan dengan memaksimumkan sumber-sumber yang dimiliki.

Pembinaan Keupayaan Komuniti

Dalam konteks pembangunan, pembinaan keupayaan (*capacity building*) adalah suatu pendekatan yang lebih berfokus kepada pembangunan komuniti (Craig, 2007 & Southcombe et al., 2014). Sebab itu salah satu usaha utama dalam pembangunan komuniti adalah membina keupayaan komuniti melalui proses yang dikenali sebagai pembinaan keupayaan komuniti (*community capacity building*) (Sail & Abu Samah, 2010). Aref dan Redzuan (2009) menyatakan membina keupayaan sesuatu komuniti merupakan satu tindakan yang efektif dalam usaha menangani isu dan merancang komuniti dalam konteks pembangunan komuniti. Pembinaan keupayaan komuniti adalah intipati penting dalam pembangunan komuniti. Melalui pembinaan keupayaan komuniti, komuniti ditingkatkan keupayaannya ke arah lebih berdaya upaya menerusi pelbagai peluang yang ada. Namun pembinaan keupayaan komuniti yang menjadi satu keperluan utama dalam pembangunan komuniti ini tidak dapat dijayakan tanpa penyertaan utama daripada komuniti itu sendiri. Penyertaan komuniti penting bagi memastikan komuniti terus mendapat faedah ke atas mereka.

Sejarah perbincangan pembinaan keupayaan komuniti dilihat semakin banyak diperkatakan dalam konteks pembangunan sejak akhir tahun 1990an khususnya di negara maju dan negara membangun untuk membincangkan isu-isu komuniti bagi meningkatkan sosial, ekonomi dan politik (Craig, 2007). Contohnya pembinaan keupayaan komuniti telah muncul sebagai elemen penting dalam meningkatkan amalan kesihatan secara efektif di mana melalui pembinaan keupayaan komuniti akan mempengaruhi kualiti perkhidmatan kesihatan yang disediakan ke atas komuniti (Southcombe et al., 2014). Pembinaan keupayaan komuniti digambarkan sebagai satu proses, pendekatan atau strategi untuk meningkatkan keupayaan komuniti bersama-sama menyelesaikan masalah komuniti (Chaskin, 2001 & Lempa et al., 2008). Sebab itulah matlamat akhir pembinaan keupayaan komuniti adalah untuk mewujudkan masyarakat yang sihat dalam erti kata yang luas iaitu masyarakat boleh berdikari sendiri, proaktif dan reaktif, berilmu, berkeyakinan dan responsif (Sail & Abu Samah, 2010).

Untuk memahami secara komprehensif pengertian pembinaan keupayaan komuniti, definisi Goodman et al. (1998) dilihat lebih menjurus kepada kefahaman ini. Beliau mendefinisikan pembinaan keupayaan komuniti sebagai satu proses dan juga hasil termasuk sokongan struktur organisasi dan proses; bersifat kepelbagaian dimensi dan berlaku dalam persekitaran individu, kumpulan, organisasi, komuniti serta pada peringkat polisi; dan mengkhusus kepada konteks yang tertentu (Goodman et al., 1998). Justeru individu yang bersikap positif setelah melalui proses pembinaan keupayaan ini berpotensi membangunkan keupayaan dirinya (yakni hasil yang diperolehi) dan membantu meningkatkan pembangunan ke atas komuniti mereka. Oleh itu pengertian pembinaan keupayaan komuniti secara keseluruhannya adalah rangkuman proses dan hasil dalam membina keupayaan yang akhirnya meliputi pelbagai aspek atau dimensi yang boleh dijadikan penilaian.

Dalam menilai atau mengukur tahap pembinaan keupayaan komuniti, para sarjana telah mengemukakan pelbagai bentuk dimensi atau domain yang dijadikan ciri-ciri penilaian. Hasil daripada puluhan kajian maka terbitnya model-model pembinaan keupayaan komuniti seperti model Rifkin (Rifkin et al., 1988), model Hawe (Hawe et al., 1997), model Goodman (Goodman et al., 1998), model Moore (Moore et al., 2006) dan lain-lain lagi. Disamping itu juga terdapat juga dimensi-dimensi yang dihasilkan oleh penyelidik berdasarkan kesesuaian kajian seperti kajian yang dilakukan oleh Maclellan-K et al., (2007), Lempa et al. (2008), Aref et al. (2010), Liberato et al. (2011), Edwards (2015) dan pelbagai lagi. Kepelbagaian dimensi dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti perlu diberi penelitian mendalam bagi memastikan dimensi-dimensi yang diambil menepati kesesuaian kajian berdasarkan komuniti yang dipilih.

Bagi KOKUF, pembinaan keupayaan yang berlaku terhadap komuniti ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan keupayaan dalam kalangan mereka dan dilihat sebagai aspek penting dalam pembangunan komuniti. Pembinaan keupayaan terhadap komuniti terpinggir seperti KOKUF dapat memberi ruang menambahkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman bagi memberi peluang kepada mereka untuk membuat perubahan dan mencapai kehidupan yang lebih baik dari sudut ekonomi dan sosial dengan cara mempertingkatkan keupayaan yang dimiliki oleh mereka. Justeru, untuk menilai proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti OKUF, beberapa dimensi pembinaan keupayaan komuniti dilihat bersesuaian untuk dikaji dalam kalangan KOKUF.

Dimensi Pembinaan Keupayaan Komuniti

Terma pembinaan keupayaan komuniti bermula dari bidang psikologi komuniti menegaskan kemampuan komuniti atau potensi tersendiri mendepani pelbagai isu-isu yang berlaku diperingkat komuniti telah digunakan secara meluas terutamanya dalam konteks kesihatan komuniti, pembangunan komuniti, polisi bandar dan sebagainya (Hawe et al., 1997 & Craig, 2007). Penggunaan yang meluas telah menimbulkan cetusan fikiran dari para sarjana dengan mengemukakan pelbagai dimensi atau domain (ciri-ciri) pembinaan keupayaan komuniti yang tersendiri. Dimensi atau domain ini dilihat sebagai satu senarai kualiti tentang keupayaan komuniti (Labonte & Laverack, 2001). Para sarjana telah menampilkan pelbagai dimensi dalam kajian pembinaan keupayaan komuniti. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan oleh sebahagian sarjana telah diadaptasi oleh sarjana lain sehinggakan diangkat menjadi suatu model. Secara asasnya model-model yang diterima ini telah dipraktikkan terhadap komuniti-komuniti tertentu dengan tumpuan dimensi yang pelbagai berdasarkan kesesuaian kajian yang dilakukan. Antara contoh-contoh model pembinaan keupayaan komuniti yang telah diterima seperti model Hawe (Hawe et al., 1997), model Rifkin (Rifkin et al., 1988), model Goodman (Goodman et al., 1998), model Moore (Moore et al., 2006) dan lain-lain lagi.

Di samping itu juga terdapat ramai sarjana yang telah menjalankan kajian terhadap komuniti tertentu juga mengemukakan pelbagai dimensi yang bersesuaian berdasarkan tumpuan kajian masing-masing. Sarjana-sarjana ini telah mengimplementasikan dimensi-dimensi tertentu dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti telah diterima baik dalam kajian yang dihasilkan. Contohnya kajian oleh Lempa et al. (2008) dengan lapan dimensi melalui kajian pembangunan kesihatan penduduk, Aref et al. (2010) pula lapan dimensi melalui kajian pembangunan pelancongan, Liberato et al. (2011) dengan sembilan dimensi dalam pelbagai kajian komuniti, Edwards (2015) pula tujuh dimensi melalui kajian pembangunan sukan dan lain-lain kajian. Model dan dimensi yang terhasil ini memberi gambaran betapa luasnya kajian terhadap pembinaan keupayaan komuniti. Pemilihan yang sesuai dan tepat

terhadap dimensi adalah penting supaya kajian terhadap komuniti tertentu mencapai maksud sebenar dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti tersebut.

Manakala Liberato et al. (2011) telah memberi satu penelitian yang lebih baik dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti dengan menyenaraikan sembilan dimensi. Penelitian terhadap dimensi-dimensi oleh Liberato dan rakan-rakannya ini dilihat sebagai garis panduan yang lengkap dan menepati kehendak kajian pembinaan keupayaan komuniti kerana dimensi penilaiannya terdiri daripada rangkuman dimensi dari pelbagai kajian yang telah terbukti melalui pelbagai penyelidikan. Secara umumnya dimensi-dimensi yang dikemukakan ini merupakan dimensi-dimensi yang telah disaring dan diberi nafas baru dari puluhan kajian dalam pembinaan keupayaan komuniti. Sembilan dimensi yang dikemukakan oleh Liberato et al. (2011) ialah peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran, mobilisasi sumber, perkongsian, hubungan dan rangkaian, pendekatan berasaskan aset, perasaan komuniti, kepimpinan, penyertaan dalam membuat keputusan, komunikasi dan laluan pembangunan. Daripada sembilan dimensi ini, tiga dimensi dikira dimensi asas dalam kajian pembinaan keupayaan komuniti iaitu ialah peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran, mobilisasi sumber dan perkongsian, hubungan dan rangkaian. Manakala dimensi perasaan komuniti adalah dimensi yang penting dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti khususnya kepada komuniti terpinggir (Littlejohns et al., 2000). Melalui penelitian dimensi-dimensi ini, maka panduan yang diberikan olehnya boleh diangkat menjadi satu model dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti.

Setelah meneliti dari pelbagai kajian yang mengemukakan model dan dimensi dalam pembinaan keupayaan komuniti, lima dimensi yang diperkenalkan oleh Liberato et al. (2011) diberi tumpuan kepada pembinaan keupayaan komuniti OKUF iaitu peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran, mobilisasi sumber, perkongsian, hubungan dan rangkaian, pendekatan berasaskan aset dan perasaan komuniti. Ini kerana terdapat ciri-ciri tersendiri dari dimensi ini yang memberikan keunikan untuk dinilai kepada KOKUF. Antaranya kesemua dimensi ini telah dibuktikan secara praktikal ke atas komuniti di mana boleh dilaksanakan ke atas semua komuniti. Dimensi-dimensi ini merupakan dimensi yang menjadi asas utama dalam menilai keupayaan komuniti dan juga merupakan dimensi khusus kepada komuniti terpinggir seperti dimensi perasaan komuniti. Dengan pemilihan lima dimensi ini, matlamat dalam menilai proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti OKUF dalam konteks kajian pembangunan komuniti adalah menepati, bersesuaian dan praktikal.

Dimensi Peluang Pembelajaran dan Pembangunan Kemahiran

Pengetahuan dan kemahiran adalah tonggak utama yang menggerakkan perubahan kepada komuniti. Memperolehi dan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran adalah perkara paling asas dalam membina keupayaan sesuatu komuniti (Aref et al., 2010). Ramai sarjana meletakkan aspek ini sebagai sangat penting dan asas utama dalam pembinaan keupayaan komuniti (Liberato et al., 2011). Tindakan utama ialah menuntut kepada proses pembelajaran yang secara langsung membekalkan maklumat, idea, nilai dan kemahiran kepada komuniti. Pasti dengan pengetahuan yang dimiliki merangsangkan cara berfikir untuk bertindak secara positif dan mencipta kepelbagaian idea yang akhirnya memberi manfaat kepada komuniti.

Fokus dalam bahagian ini iaitu peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran merupakan dimensi utama dalam pembinaan keupayaan komuniti. Sail dan Abu-Samah (2010) menyatakan komuniti yang berjaya adalah komuniti yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Maka penekanan kepada peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran telah menjadi pilihan utama dalam dimensi pembinaan keupayaan komuniti. Ini dapat dilihat daripada pelbagai ungkapan dalam konteks pengetahuan dan kemahiran yang diutarakan oleh sarjana sama ada dalam model-model pembinaan keupayaan komuniti atau pun kajian-kajian oleh sarjana dalam pelbagai konteks. Pelbagai istilah dinyatakan bagi menggambarkan pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran oleh model Goodman (Goodman et al., 1998 & Parker et al., 2010), meningkatkan asas pengetahuan oleh model Moore (Robins, 2008a), pengenalpastian dan mengukuhkan kemahiran oleh model Foster dan Fishman (Garcia-Ramirez et al., 2009), kemahiran, pengetahuan dan pembelajaran (MacLellan-Wright et al., 2007) dan pengetahuan dan kemahiran (Aref et al., 2010). Kepelbagaian ungkapan ini menunjukkan tiada ketetapan khusus untuk menilai pengetahuan dan kemahiran dalam

pembinaan keupayaan komuniti. Ini secara tidak langsung membuka ruang yang luas bagaimana menilai pembinaan keupayaan komuniti dari dimensi ini.

Kesan dari ketiadaan ketetapan dalam menyatakan ungkapan dimensi pengetahuan dan kemahiran, maka Liberato et al. (2011) telah merumuskan melalui pelbagai rujukan yang telah disaring dan akhirnya meletakkan rangkuman pemahaman dimensi ini sebagai peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran. Littlejohns et al. (2000) menyatakan dengan penambahan pengetahuan melalui peluang pembelajaran yang disediakan secara tidak langsung akan dapat membangunkan kemahiran yang berguna. Keadaan ini tentunya tidak berlaku sekiranya peluang pembelajaran tidak diberikan. Capaian terhadap peluang pembelajaran ini merupakan hak kepada semua komuniti termasuklah KOKUF. Dengan peluang pembelajaran yang diberikan dapat membantu KOKUF mengembangkan kemahiran mereka dalam membantu meneruskan kelangsungan hidup seiring dengan komuniti yang lain.

Untuk memahami maksud peluang pembelajaran dan pembangunan komuniti, Liberato et al. (2011) mempunyai pandangan yang lebih menyeluruh dalam menggambarkan perkara ini. Peluang pembelajaran dan pembangunan komuniti yang dimaksudkan oleh Liberato et al. (2011) ialah meliputi pengenalanpastian jurang ilmu serta menyediakan peluang untuk pembangunan kemahiran seperti penyediaan maklumat mencukupi mengenai peluang belajar, akses kepada pendanaan dan peluang rangkaian dan akhirnya dapat mewujudkan komuniti melalui kemahiran yang diperolehi bagi membangun dan mencapai ekspresi penuh. Beliau meletakkan dimensi ini sebagai dimensi utama pembinaan keupayaan komuniti kerana peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran penting dalam membina keupayaan komuniti dan membolehkan komuniti diperkasakan. Adalah jelas bahawa kepentingan pembelajaran terhadap pembangunan kemahiran tidak dapat disangkal dalam hubungannya dengan pembinaan keupayaan komuniti kerana melibatkan pengenalanpastian jurang pengetahuan dalam kalangan komuniti serta peruntukan peluang kepada pembangunan kemahiran.

Untuk menilai kedudukan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan komuniti, maka jurang ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh komuniti perlu dinilai bagi memastikan sejauh manakah pendedahan aspek ini terhadap komuniti (Littlejohns et al. 2000). Keadaan ini penting untuk diketahui bagi melihat adakah peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran berlaku dalam kalangan komuniti. Malahan kajian menunjukkan wujudnya halangan yang besar ke atas kemajuan yang ingin dicapai oleh komuniti sekiranya peluang pembelajaran dan kemahiran tidak berlaku (Aref et al., 2010). Dalam konteks KOKUF, pengetahuan dan kemahiran sangat berkait rapat khususnya menyediakan kemahiran vokasional yang memberi peluang dalam usaha meningkatkan keupayaan mereka (Yusof et al., 2014 & Abdullah et al., 2015). Namun begitu dalam kerangka proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti dari dimensi ini, maklumat-maklumat yang dikenal pasti diberi penekanan bagi menggambarkan perkara ini ialah pendedahan kepada maklumat mengenai peluang untuk belajar, pendedahan terhadap dana kewangan dan peluang pendedahan hubungan rangkaian dengan pihak luar. Aspek-aspek ini dapat memberi gambaran dalam menilai kedudukan peluang pembelajaran dan pembangunan kemahiran yang diperolehi oleh KOKUF.

Dimensi Mobilisasi Sumber

Antara asas penting dalam meneruskan kelangsungan hidup adalah keupayaan untuk menggerakkan sumber-sumber yang ada ke arah matlamat yang hendak dicapai (Glover et al., 2005). Bagi KOKUF, usaha menggunakan sumber secara optima adalah penting dalam membantu membangunkan komuniti ini untuk terus ke hadapan. Cara atau aturan sumber ini digerakkan menentukan sejauh mana KOKUF berjaya menggunakan sumber-sumber yang ada dalam meningkatkan keupayaan mereka. Ini kerana tumpuan ke atas mobilisasi sumber dalam pembinaan keupayaan komuniti sangat diberi penekanan kerana kejayaan sesuatu komuniti melibatkan penggabungan sumber-sumber (Liberato et al., 2011). Seterusnya sumber-sumber ini seharusnya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin bagi menghasilkan keuntungan kepada komuniti.

Skop perbincangan mobilisasi sumber sangat luas. Glover et al. (2005) menyatakan terdapat pelbagai bentuk sumber komuniti sama ada dianggap sebagai satu yang “*tangible*” yang dapat dilihat, disentuh dan dikira atau bukan “*tangible*”. Keadaan ini membuktikan sumber-sumber komuniti yang ada ini sangat luas meliputi ekonomi, manusia, fizikal dan politik (Chaskin et al., 2001). Bahkan

pandangan Goodman et al. (1998) bahawa mobilisasi sumber merangkumi pemilikan sumber-sumber, pengagihan saksama, perkongsian penggunaan, kepelbagaian, penghargaan dan perancangan. Ini jelas menunjukkan cakupan perbincangan mobilisasi sumber adalah sangat luas. Namun begitu dalam konteks komuniti secara umumnya dan bagi merealisasikan aspek mobilisasi sumber ini, komuniti seharusnya mempunyai kemampuan untuk mengakses sumber-sumber yang ada di dalam atau pun di luar komuniti (Aref et al., 2010 & Liberato et al., 2011). Paling penting ialah bagaimana komuniti berupaya untuk mengenal pasti, mencapai, menggerakkan dan menyumbang sumber-sumber dalaman dan luaran bagi membantu mencapai wawasannya dengan menggunakan sumber-sumber ini secara berkesan, terkini dan kreatif (Littlejohns et al., 2000; Maclellan-Wright et al., 2007 & Liberato et al., 2011)

Bagi Liberato et al. (2011) mobilisasi sumber merujuk kepada pendanaan, ketersediaan orang, bangunan, kemudahan (fasiliti) dan masa. Keempat-empat sumber ini akan memberi manfaat sekiranya penggerak sumber iaitu kemampuan komuniti itu sendiri bersedia untuk mengenal pasti dan mengakses sumber dalaman dan luaran untuk membantu mencapai misinya dengan cara yang baru, kreatif dan berkesan (Liberato et al., 2011). Dalam hal ini adalah jelas terdapat dua sumber utama iaitu sumber dalaman dan sumber luaran. Sumber-sumber yang diberi penekanan pula adalah sumber kewangan (pendanaan), orang (ketersediaan komuniti sendiri atau luar komuniti), bangunan, kemudahan (fasiliti) dan masa (keluasan masa). Disamping itu juga soal bagaimana sumber-sumber ini digerakkan oleh komuniti merupakan sebahagian besar yang menentukan cara bertindak ke atas sumber-sumber dan bergantung kepada keupayaan komuniti (Glover et al., 2005). Tindakan oleh komuniti penting untuk memastikan semua sumber-sumber dalaman dan luaran ini boleh digembleng dengan pelbagai cara yang mampu mendatangkan hasil kepada komuniti.

Kesemua sumber yang ada serta bagaimana digerakkan adalah penting sebagai pemangkin dalam merubah kehidupan komuniti. Sebab itu mobilisasi sumber memberi implikasi besar kepada proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti kerana manfaat yang besar akan dirasai oleh komuniti sendiri. Bahkan kemampuan komuniti dalam membuat keputusan seperti menyelesaikan isu yang timbul melalui sumber yang ada juga menggambarkan ciri-ciri bagaimana kemampuan mengurus sumber (Liberato et al., 2011). Dalam menilai dimensi ini, sumber-sumber dalam lingkungan KOKUF dinilai untuk melihat bagaimana sumber-sumber ini dimanfaatkan dalam proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti. Beberapa sumber yang diberi penekanan seperti sumber kewangan, orang, fasiliti dan masa. Bagi sumber berkaitan dengan orang, ianya melibatkan pihak-pihak yang mempunyai kaitan dengan OKU sama ada dalam kalangan komuniti (sesama KOKUF) dan luar komuniti. Dalam hal ini sumber orang meliputi KOKUF (rakan-rakan), sukarelawan OKU, organisasi (seperti persatuan) OKU dan pihak kerajaan yang berkaitan dengan OKU khususnya pegawai dari JKM.

Dimensi Perkongsian, Hubungan dan Rangkaian

Sesuatu komuniti dikatakan terbentuk apabila diikat dengan identiti yang sama. Dalam konteks ini kewujudan komuniti adalah diikat melalui perkongsian yang dialami oleh KOKUF iaitu dari sudut ketidakupayaan fizikal. Ini jelas diungkapkan oleh Liberato et al. (2011) di mana komuniti didefinisikan sebagai suatu kumpulan tersendiri (spesifik) yang mempunyai hubungan diikat pada sesuatu isu dan umumnya tidak semesti terikat secara ruwang. Pengertian ini menunjukkan kewujudan komuniti sangat berkait dengan persamaan yang dipunyai secara bersama di atas sesuatu isu. Malahan lebih penting, komuniti ini melambangkan satu rangkaian di atas hubungan kebersamaan yang mempunyai perkongsian kuat melalui isu-isu tertentu.

Hubungan yang terjalin pada komuniti dilihat memainkan peranan penting dalam perkembangan sesebuah komuniti. Hubungan bukan sahaja dilihat sebagai ikatan kebersamaan yang dikongsi dalam menjadi identiti atau membentuk komuniti tetapi juga memberi kesan besar kepada perubahan ke atas komuniti. Dalam konteks pembinaan keupayaan komuniti, salah satu dimensinya ialah kewujudan hubungan yang berlaku dalam kalangan komuniti dan juga hubungan dengan luar komuniti memberi manfaat kepada komuniti dalam meningkatkan keupayaan mereka (Lempa et al., 2008). Beberapa sarjana melihat dimensi ini dengan pelbagai terma. Contohnya Goodman et al. (1998) dan O'Meara et al. (2004) menggunakan istilah perkongsian (*partnership*), Lempa et al. (2008) pula jaringan luar (*external networking*), Aref et al. (2010) pula sokongan luaran (*external supports*), Parker

et al. (2010) pula jaringan (*network*), Robins (2008a) pula membangun dan mengekal jaringan dan hubungan (*develop and sustain networks and relationships*) dan ramai lagi sarjana dengan istilah masing-masing. Namun daripada kepelbagaian terma ini Liberato et al. (2011) berpandangan perkara yang lebih utama ialah pengisiannya adalah sama iaitu berkaitan dengan soal perkongsian, hubungan dan rangkaian yang dilihat membawa kepada kewujudan dan kepentingan hubungan kepada pembinaan keupayaan komuniti.

Dalam memberi nama bagi dimensi ini, Liberato et al. (2011) merangkumkan dimensi ini sebagai perkongsian (*partnership*), rangkaian (*linkages*) dan hubungan (*networking*). Beliau juga meletakkan istilah dan takrifan perkongsian, rangkaian dan hubungan ini adalah elemen yang sama dan saling berkaitan. Perkongsian (dimensi ini) dirujuk sebagai hubungan dengan orang lain atau rangkaian atau penyertaan antara sektor. Ini merujuk kepada individu atau organisasi yang berkongsi minat, informasi dan sumber, dan yang bekerja ke arah satu matlamat yang sama untuk dicapai oleh mana-mana individu atau organisasi. Perkongsian sebagai satu proses yang dinamik dan kompleks di mana penglibatan berbeza antara program, pelaku dan fasa yang melibatkan pelbagai pihak dengan tahap komitmen dan kemahiran yang berbeza untuk bekerja bersama-sama, memperoleh keyakinan terhadap kebolehan mereka serta meluaskan keupayaan dan memperkukuhkan hubungan di antara mereka (Liberato et al., 2011). Liberato et al. (2011) juga meletakkan dimensi ini antara dimensi utama dalam pembinaan keupayaan komuniti kerana hasil hubungan yang wujud pada komuniti mampu memberi impak besar kepada perubahan ke atas komuniti. Sebaliknya tanpa jalinan hubungan yang baik tidak akan membantu membina keupayaan komuniti dan merenggangkan hubungan serta semangat kerjasama komuniti.

Justeru itu dalam melahirkan suatu komuniti yang boleh menggerakkan ke arah perubahan positif, maka perlu kepada hubungan yang baik berlaku kepada komuniti ini. Bagi KOKUF, ketidakupayaan yang menyatukan komuniti tidak dapat tidak perlu kepada perkongsian dalam kalangan mereka kerana keperluan mereka difahami antara mereka. Di samping itu juga hubungan dengan pihak luar terutama yang memahami situasi OKU seperti pihak sukarelawan OKU, organisasi (persatuan) OKU atau pihak berwajib (JKM) juga mampu memberi manfaat besar untuk membantu meningkatkan keupayaan dan memberi perubahan baik kepada komuniti ini. Untuk memenuhi dimensi ini melalui proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti, KOKUF perlu mencapai hasrat sebagaimana yang ditekankan oleh Liberato et al. (2011) iaitu keperluan kepada penglibatan pelbagai pihak dengan komitmen bekerja bersama-sama, pengukuhan hubungan dan keyakinan terhadap kebolehan yang ada dalam usaha meningkatkan keupayaan kepada KOKUF.

Dimensi Pendekatan Berasaskan Aset

Pendekatan berasaskan aset adalah suatu yang cukup sinonim dengan bidang pembangunan komuniti. Pendekatan ini merupakan satu cara membangunkan komuniti berdasarkan usaha mengoptimalkan aset-aset yang dimiliki. Pendekatan ini juga menjadi asas kepada satu konsep dalam pembangunan komuniti iaitu Pendekatan Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset (*Asset-Based Community Development*) yang merupakan satu pendekatan alternatif dalam pembangunan (Mengesha et al., 2015). Namun begitu bahagian ini tidak membincangkan tentang konsep Pendekatan Pembangunan Komuniti Berasaskan Aset. Pendekatan berasaskan aset dalam kajian ini merupakan salah satu dimensi yang dinilai dalam kerangka model pembinaan keupayaan komuniti seperti disenaraikan oleh Liberato et al. (2011). Dimensi ini menekankan kepentingan kekuatan yang sedia ada oleh komuniti seperti bakat yang unik atau mengenal pasti kelebihan kemahiran untuk dikembangkan dalam pembinaan keupayaan komuniti (Garcia-Ramirez et al., 2009 & Liberato et al., 2011).

Dimensi pendekatan berasaskan aset merupakan pengetahuan, kemahiran, bakat dan anugerah yang unik dimiliki oleh ahli komuniti. Ini adalah kekuatan oleh setiap anggota komuniti yang menjadi asas kepada komuniti dalam kepelbagaian dapat mengembangkan visi dan bertindak untuk mencapainya (Liberato et al., 2011). Asas utama pendekatan berasaskan aset ini meletakkan bahawa setiap individu dan komuniti memiliki keupayaan, kemampuan, bakat, kemahiran dan anugerah unik yang boleh dibangunkan (Littlejohns et al., 2000; Liberato et al., 2011 & Myende & Chikoko, 2014). Ini menjelaskan bahawa aset-aset ini merupakan kekuatan yang ada pada semua individu dan juga komuniti di mana membentuk asas penting kepada komuniti dengan kepelbagaian aset yang ada dapat

dikembangkan bagi mencapai matlamat yang hendak diperolehi. Littlejohns et al. (2000) berpandangan apa yang perlu dilakukan adalah pengenalan kemahiran sedia ada dalam komuniti atau yang diperlukan dengan bertindak melalui penambahan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Malahan komuniti disaran dapat menggembelng aset-aset yang ada ni supaya lebih berinovatif, mendapat sokongan dari profesional bagi mendapat sentuhan terkini yang lebih memberangsangkan serta mewujudkan kerjasama luar dalam menampilkan tindakan terkini yang lebih berkesan (Myende & Chikoko, 2014). Dengan ini setiap aset seperti yang dimiliki oleh ahli komuniti dapat dipertingkatkan untuk membawa kesan yang bermanfaat dalam meningkatkan mutu kehidupan.

Tumpuan dimensi ini telah dilihat sebagai salah satu usaha membangunkan keupayaan yang ada pada sesuatu komuniti. Keupayaan yang dimiliki oleh komuniti ini telah diteliti sebagai suatu yang sangat bermanfaat untuk digarap dalam membina komuniti di mana kekuatan itu “bermula dari dalam” komuniti itu sendiri (Myende & Chikoko, 2014). Oleh itu teras utama dari pendekatan berasaskan aset adalah kekuatan dalaman yakni aset-aset yang boleh dikenal pasti berpotensi dan bagaimana aset-aset sedia ada ini dihalakan secara berkesan ke arah membantu dalam pembinaan keupayaan komuniti. Justeru itu adalah jelas dengan kepentingan dimensi ini, Liberato et al. (2011) telah memilihnya sebagai satu aspek penting dalam pembinaan keupayaan komuniti. Dalam kajian ini dimensi pendekatan berasaskan aset ini ditinjau sebagai sebahagian dari proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti.

Dalam hal ini jika dirujuk kepada KOKUF, ternyata proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti dari dimensi pendekatan berasaskan aset dinilai bagi melihat bagaimana KOKUF mengembangkan pengetahuan, kemahiran dan bakat yang ada digilap dalam membangunkan kehidupan mereka. Tindakan oleh KOKUF ini merupakan satu usaha bagi pengembangan aset asas yang dimiliki dan seterusnya membangunkan keupayaan yang ada. Justeru usaha ini memberikan kekuatan kepada KOKUF sebagai asas penting dalam membangunkan kepelbagaian aset untuk dikembangkan lagi dan akhirnya bagi memastikan KOKUF terus memperoleh manfaat daripada aset-aset ini dalam membantu mencapai manfaat kehidupannya.

Dimensi Perasaan Komuniti

Perasaan komuniti merupakan salah satu konstruk utama yang banyak dikaji dalam psikologi komuniti (Townley & Kloos, 2009). Dalam kajian pembangunan komuniti, perasaan komuniti dipilih menjadi salah satu fokus dalam menilai pembinaan keupayaan komuniti (Littlejohns et al., 2000; Peterson et al., 2008; Garcia-Ramirez et al., 2009; Liberato et al., 2011 & Taló et al., 2013). Malahan perasaan komuniti terbukti menjadi pemangkin dalam pembangunan komuniti yang meliputi pelbagai kajian yang melibatkan penyertaan ahli komuniti (Taló et al., 2013). Asasnya kekuatan perasaan komuniti membawa komuniti kepada kualiti hidup yang lebih baik, meningkatkan kesejahteraan, merapatkan hubungan antara komuniti dan mengurangkan kewujudan perkara negatif dalam kehidupan (Gattino et al., 2013). Oleh itu tahap perasaan komuniti dinilai untuk menggambarkan komuniti tersebut hidup dengan suasana sihat dan menunjukkan hubungan antara ahli komuniti hidup secara kolektif dengan emosi yang berkualiti (Taló et al., 2013).

Umumnya perasaan komuniti merupakan satu perasaan atau persepsi positif yang wujud dalam diri ahli komuniti terhadap komuniti mereka sendiri (Liberato et al., 2011). Dimensi ini merujuk kepada fenomena pengalaman komuniti secara kolektif dan telah dikaji dalam pelbagai konteks (Peterson et al., 2008) termasuk juga kajian yang melibatkan KOKU (Townley & Kloos, 2009). Pemilihan dimensi perasaan komuniti dalam menilai proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti OKUF dilihat menepati dengan pandangan yang dikemukakan oleh Liberato et al. (2011) dan Littlejohns et al. (2000) bahawa dimensi ini penting khususnya kepada komuniti terpinggir. Kajian oleh Littlejohns et al. (2000) membuktikan tahap perasaan komuniti diperkuatkan lagi apabila wujudnya perasaan kebersamaan identiti serta sejarah kehidupan yang sama. Pandangan ini turut ditegaskan oleh Parker et al. (2010) bahawa perkongsian identiti yang mengikat ahli komuniti memberi kesan dalam menilai perasaan komuniti. Bahkan perasaan komuniti yang diikat dengan perkongsian identiti ini menyebabkan ahli komuniti mudah bekerjasama sesama mereka dalam setiap tindakan (Littlejohns et al., 2000 & Parker et al., 2010). Selain dari hasil perasaan komuniti seperti pemupukan semangat kerjasama ini, nilai-nilai lain juga terbit secara positif seperti tertanam kepercayaan yang tinggi, sikap bertanggung jawab, komitmen bersama, perasaan secara kolektif seperti keadilan dan kesaksamaan (Littlejohns et al., 2000).

Secara ringkas perasaan komuniti dirujuk kepada hubungan saling bergantung antara individu dan komuniti (Aref et al., 2010). Liberato et al. (2011) mendefinisikan perasaan komuniti sebagai tanda kebersamaan di mana orang (ahli komuniti) akan melakukan perkara secara bersama untuk mengenal pasti isu, menyelesaikan masalah dan menangani konflik sebagai satu kumpulan serta mempunyai kepercayaan antara sesama ahli anggota dan merasakan sebahagian dari komuniti. Daripada takrifan perasaan komuniti ini dapat membayangkan hubungan antara ahli komuniti dengan ikatan perasaan yang sama memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan yang berkualiti dan mampu menangani masalah bersama. Di mana kesan dari perasaan komuniti ini memudahkan komuniti menyelami isu-isu yang berlaku, menyelesaikan masalah dan menangani konflik sebagai satu kumpulan. Melalui ikatan perasaan ini juga dapat memupuk kepercayaan terhadap sesama anggota komuniti sebagai satu kumpulan untuk terus berhubung dengan baik, berkekalan dan sikap saling bergantung antara satu sama lain. Inilah yang digambarkan oleh Bopp et al. (2000) bahawa perasaan komuniti menunjukkan kepada kualiti hubungan manusia yang membolehkan mereka hidup bersama dalam suasana sihat dan mampan.

Adalah jelas perasaan komuniti merupakan salah satu faktor yang membantu meningkatkan pembangunan komuniti. Hur (2006) menyatakan dengan perasaan komuniti yang kuat akan membantu komuniti ke arah meningkatkan keupayaan untuk bekerja bersama-sama, menyelesaikan masalah secara bermuafakat dan membuat keputusan bersama untuk perubahan sosial. Oleh itu tidak dapat dinafikan bahawa perasaan komuniti cukup memberi impak kepada kehidupan komuniti termasuk KOKUF. Semangat atau kekitaan yang lahir dalam kalangan KOKUF kesan dari kebersamaan identiti mampu membawa perubahan baik terhadap komuniti tersebut. Keadaan ini juga berupaya mewujudkan hubungan saling timbal balas antara ahli KOKUF di mana perasaan komuniti berupaya melahirkan perasaan dan pengetahuan dalam memahami sebarang hal yang berkaitan kehidupan mereka. Tambahan lagi dimensi ini melambangkan tahap kualiti perhubungan antara ahli KOKUF untuk terus hidup bersama dalam suasana kehidupan yang sihat dan berterusan.

Rumusan

Dalam mencapai kehidupan berkualiti, penglibatan komuniti kelompok terpinggir seperti KOKU adalah sangat penting bagi memenuhi tuntutan pembangunan komuniti. Di Malaysia, perhatian telah lama diberikan kepada pembangunan komuniti dengan tujuan memperkasakan KOKU melalui pelbagai inisiatif, termasuk program pemulihan dan pembinaan kemahiran. Bagi KOKUF, pembangunan komuniti melibatkan peningkatan keupayaan kolektif dan hasil tindakan bersama dalam kalangan KOKUF pastinya mampu untuk memperbaiki kehidupan. Dalam konteks ini, pembinaan keupayaan komuniti dalam kalangan KOKUF adalah pendekatan terbaik dengan menekankan keperluan penyertaan aktif komuniti dalam usaha mereka untuk menyelesaikan masalah dan meningkatkan kesejahteraan. Jika diperhatikan sejak akhir 1990-an pelbagai model pembinaan keupayaan komuniti seperti model Rifkin, Hawe dan Goodman menawarkan pelbagai dimensi untuk menilai pembinaan keupayaan komuniti. Begitu juga penelitian oleh Liberato et al. (2011) memperkenalkan sembilan dimensi penting untuk pembinaan keupayaan komuniti telah memperlihatkan dimensi-dimensi yang terfokus dan lengkap dalam pembinaan keupayaan komuniti. Namun bagi KOKUF, lima dimensi utama yang diperkenalkan oleh Liberato et al. (2011) iaitu pembangunan kemahiran, mobilisasi sumber, perkongsian, hubungan dan rangkaian, pendekatan berasaskan aset dan perasaan komuniti adalah relevan untuk menilai dan meningkatkan keupayaan mereka secara menyeluruh dan praktikal. Dengan memilih dan menerapkan dimensi yang tepat, maka proses dan hasil pembinaan keupayaan komuniti yang dinilai dapat memenuhi tuntutan dengan lebih berkesan, memperbaiki kualiti hidup dan memastikan kesejahteraan yang lebih baik dalam kalangan KOKUF ini secara keseluruhan.

Rujukan

- Abdullah, N., Yasin, M. H. M., Deli, A. A. A., & Abdullah, N. A. (2015). Vocational education as a career pathway for students with learning disabilities: Issues and obstacles in the implementation. *International Journal of Education and Social Science*, 2(3), 98-104.
- Abdul Rasid Abdul Razzaq & Mohamad Zaid Mustafa (2014). Pembangunan keupayaan komuniti menerusi pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (experiential learning approach): pengalaman di Miso Walai Homestay Kinabatangan Sabah. Dalam Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional kali ke-4 (CiE-TVET 2014), Mersing Johor pada 25-26 Ogos 2014.
- Aizan Sofia Amin & Jamiah Manap (2015). Geografi, kemiskinan dan wanita kurang upaya di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 11(7), 82-91.
- Aizan Sofia Amin, Fauziah Ibrahim, Noordeyana Tambi, Jamiah Manap & Norulhuda Sarnon. (2017). Halangan kepada pendidikan dan latihan bagi wanita kurang upaya fizikal di Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 12(3), 1-11.
- Aref, F. & Redzuan, M. (2009). Community capacity building for tourism development. *Journal of Sustainable Tourism*, 19(3), 347-359.
- Aref, F., Redzuan, M. & Gill, S. S. (2010). Dimensions of community capacity building: A review of its implications in tourism development. *Journal of American Science*, 6(1), 172-180.
- Balcazar, F.E., Keys, C.B. & Suarez-Balcazar, Y. (2001). Empowering Latinos with disabilities to address issues of independent living and disability rights: A capacity-building approach. *Journal of Prevention & Intervention in the Community*, 21(2), 53-70.
- Bopp, M., Germann, K., Bopp, J., Littlejohns, L. B., Smith, N., Coe, M., & Stauffer, J. (2000). Assessing community capacity for change. *Red Deer, Alberta: David Thompson Health Region & Four Worlds Centre for Development Learning*.
- Buletin Perangkaan Sosial Malaysia. (2011). Jabatan Perangkaan Malaysia
- Carpenter, J., & McConkey, R. (2012).). Disabled children's voices: The nature and role of future empirical enquiry. *Children & Society*, 26(3), 251-261.
- Chaskin, R.J. (2001). Building Community Capacity: A Definitional Framework and Case Studies from a Comprehensive Community Initiative. *Urban Affairs Review*, 36(3), 291-323.
- Craig, G. (2007). Community capacity-building: Something old, something new? *Critical Social Policy*, 27(3), 335-359.
- Dort, S. V., Wilson, L. & Coyle, J. A. (2014). Exploring a model of effectual learning for a student speech pathology placement at a community-based rehabilitation (CBR) centre in Malaysia. *Asia Pacific Disability Rehabilitation Journal*, 25(4), 22-42.
- Edwards, M. B. (2015). The role of sport in community capacity building: An examination of sport for development research and practice. *Sport Management Review*, 18(1), 6-19.
- Garcia-Ramírez, M., Paloma, V., Suarez-Balcazar, Y., & Balcazar, F. (2009). Building international collaborative capacity: Contributions of community psychologists to a European network. *American Journal of Community Psychology*, 44(1-2), 116-122.
- Gattino, S., De Piccoli, N., Fassio, O. & Rollero, C. (2013). Quality of life and sense of community. A study on health and place of residence. *Journal of Community Psychology*, 41(7), 811-826.
- Glover, T. D., Parry, D. C. & Shinew, K. J. (2005). Building relationships, accessing resources: Mobilizing social capital in community garden contexts. *Journal of Leisure Research*, 37(4), 450-474.
- Goodman, R. M., Speers, M. A., McLeroy, K., Fawcett, S., Kegler, M., Parker, E., Smith, S.R, Sterling, T.D. & Wallerstein, N. (1998). Identifying and defining the dimensions of community capacity to provide a basis for measurement. *Health Education & Behavior*. 25(3), 258-278.
- Groce, N., Kett, M., Lang, R. & Trani, JF. (2011). Disability and poverty: The need for a more nuanced understanding of implications for development policy and practice. *Third World Quarterly*, 32(8), 1493-1513.
- Haslin Kadis & Vivien W. C. Yew (2016). Peranan modal sosial dalam memperkasakan ekonomi kumpulan Tompoq Topoh di kampung Orang Asli. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 11(2), 590-604.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, Norasuzaini Sujak (2009). Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18-29
- Hawe, P., Noort, M., King, L. & Jordens, C. (1997). Multiplying health gains: The critical role of capacity-building within health promotion programs. *Health Policy*, 39(1), 29-42.
- Hur, M.H. (2006). Empowerment in terms of theoretical perspectives: exploring a typology of the process and components across disciplines. *Journal of Community Psychology*, 34(5), 523-540.

- Islam, M. R. (2015). Rights of the people with disabilities and social exclusion in Malaysia. *International Journal of Social Science and Humanity*, 5(3), 171-177.
- Kerajaan Malaysia (2008). *Akta 685 (Akta Orang Kurang Upaya 2008)*.
- Khadijah Rohani Mohd Yunus, Norani Mohd Salleh, Sharifah Norul Akmar Syed Zamri, Rohaida Mohd Saat, Abu Bakar Nordin & Hidayah Mohd Fadzil (2011). Kurikulum bagi orang kurang upaya (OKU) di sebuah pusat latihan vokasional: Perspektif pelatih. *Jurnal Pendidikan*, 31(1), 91-102.
- King, G., Curran, C.J. & McPherson, A. (2012). A four-part ecological model of community-focused therapeutic recreation and life skills services for children and youth with disabilities. *Child: Care, Health and Development*, 39(3), 325-336.
- Kuno, K. (2007). *Does Community Based Rehabilitation Really Work? Community Based Rehabilitation (CBR) and Participation of Disabled People*. Kuala Lumpur: Institut Sosial Malaysia.
- Labonte, R. & Laverack, G. (2001). Capacity building in health promotion, Part 1: For whom? And for what purpose?. *Critical public health*, 11(2), 111-127.
- Lee, L. W. & Low, H. M. (2014). The evolution of special education in Malaysia. *British Journal of Special Education*, 41(1), 42-58.
- Lempa, M., Goodman, R. M. & Rice, J. (2008). Development of scales measuring the capacity of community-based initiatives. *Health Education & Behavior*, 35(3), 298-315.
- Liberato, S.C., Brimblecombe, J., Ritchie, J., Ferguson, M., & Coveney, J. (2011). Measuring capacity building in communities: a review of the literature. *BMC Public Health*, 11(1), 850-850.
- Littlejohns, L. B., Germann, K., Smith, N., Bopp, J., Bopp, M., Reichel, C., Harcus, S., Goldthorp, J., Hoppins, Y., & Thompson, D. (2000). Integrating community capacity building and enhanced primary health care services. *Australian Journal of Primary Health*, 6(4), 175-189.
- Maclellan-Wright, M. F., Anderson, D., Barber, S., Smith, N., Cantin, B., Felix, R. & Raine, K. (2007). The development of measures of community capacity for community-based funding programs in Canada. *Health promotion international*, 22(4), 299-306.
- Mason, C., Weber, J., Atasoy, S., Sabariego, C., & Cieza, A. (2017). Development of indicators for monitoring Community-Based Rehabilitation. *PloS One*, 12(6), e0178418.
- Mauro, V., Biggeri, M. & Grilli, L. (2015). Does community-based rehabilitation enhance the multidimensional well-being of deprived persons with disabilities? A multilevel impact evaluation. *World Development*, 76, 190-202.
- Mengesha, S. K., Meshelemiah, J. C. & Chuffa, K. A. (2015). Asset-based community development practice in Awramba, Northwest Ethiopia. *Community Development*, 46(2), 164-179.
- Mohamad Zahir Zainudin, Roziah Omar, Mohd Fauzi Kamarudin (2016). Kaedah gabungan (mixed method) dalam kajian pembasmian kemiskinan di Malaysia dan Indonesia: Pengalaman penyelidikan. *Journal of Human Capital Development*, 9, 47-58.
- Mohammad Shatar Sabran, (2003). Model pembangunan komuniti. *Pertanika Journal Social Science & Humanities*, 11(2), 135-145.
- Moore, S. A., Severn, R. C. & Millar, R. (2006). A conceptual model of community capacity for biodiversity conservation outcomes. *Geographical Research*, 44(4), 361-371.
- Myende, P. & Chikoko, V. (2014). School-university partnership in a South African rural context: Possibilities for an asset-based approach. *Journal of Human Ecology*, 46(3), 249-259.
- O'Meara, P., Chesters, J. & Han, G. S. (2004). Outside-Looking In: Evaluating a community capacity building project. *Rural Society*, 14(2), 126-141.
- Parker, E. A., Chung, L. K., Israel, B. A., Reyes, A., & Wilkins, D. (2010). Community organizing network for environmental health: using a community health development approach to increase community capacity around reduction of environmental triggers. *The Journal of Primary Prevention*, 31(1), 41-58.
- Peterson, N. A., Speer, P. W. & McMillan, D. W. (2008). Validation of a brief sense of community scale: Confirmation of the principal theory of sense of community. *Journal of community psychology*, 36(1), 61-73.
- Phillips, R. & Pittman, R. (Eds.). (2014). *An Introduction to Community Development*. New York: Routledge.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2020). Jabatan Kebajikan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2023). Jabatan Kebajikan Masyarakat. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>
- Rifkin, S. B., Muller, F. & Bichmann, W. (1988). Primary health care: On measuring participation. *Social science & medicine*, 26(9), 931-940.
- Robinson, S & Notara, D. (2015). Building belonging and connection for children with disability and their families: A co-designed research and community development project in a regional community. *Community Development Journal*, 50(4), 724-741.
- Robins, L. (2008a). Making capacity building meaningful: A framework for strategic action. *Environmental Management*, 42, 833-846.

- Sail, R.M. & Abu-Samah, A. (2010). Community development through community capacity building: A social science perspective. *Journal of American Science*, 6(2), 68-76.
- Samir Muhazzab Amin & Sara Shakilla Mohd Salim (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia : Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Akademika*, 82(1), 81-89.
- Shrewsbury, D. (2015). Disability and participation in the professions: Examples from higher and medical education. *Disability & Society*, 30(1), 87-100.
- Southcombe, A., Cavanagh, J. & Bartram, T. (2014). Capacity building in indigenous men's groups and sheds across. *Australia Health Promotion Internasional*, 30(3), 606-615.
- Suhaiza Ahmad (2013). *Penglibatan ibu bapa dalam program pemulihan dalam komuniti di Kedah, Malaysia*. Tesis Sarjana Pembangunan Komuniti, Universiti Putra Malaysia. (Tidak diterbitkan)
- Ta, T.L. & Leng, K.S. (2013). Challenges faced by Malaysians with disabilities in the world of employment. *Disability, CBR & Inclusive Development*, 24, 6-21.
- Talo, C., Mannarini, T. & Rochira, A. (2014). Sense of community and community participation: A meta-analytic review. *Social indicators research*, 117, 1-28.
- Townley, G & Kloos, B. (2009). Development of a measure of sense of community for individuals with serious mental illness residing in community settings. *Journal of Community Psychology*, 37(3), 362-380.
- World Health Organization & World Bank. (2011). *World report on disability*. World Health Organization & The World Bank.
- Wynn, K., Stewart, D., Law, M., Burke-Gaffney, J. & Moning, T. (2006). Creating connections: A community capacity-building project with parents and youth with disabilities in transition to adulthood. *Physical & Occupational Therapy in Pediatrics*, 26(4), 89-103.
- Yang, C. (2014). Being independent from whom? Analysing two interpretations in the paradigm of 'independent living'. *Disability & Society*, 29(5), 671-684.
- Yusof, A. M., Ali, M. M., & Salleh, A. M. (2014). Employability of vocational school leavers with disabilities. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 112, 1064-1069.